



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 14/2010 (4 hingga 10 April 2010)

Bagi tempoh antara 4 hingga 10 April 2010, sejumlah 886 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 63 kes (8%) berbanding dengan 823 kes pada minggu sebelumnya. 10 negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Selangor (35 kes), WP Kuala Lumpur/Putrajaya dan Kedah masing-masing (12 kes), Perak (9 kes), Pahang (5 kes), Perlis (4 kes), Terengganu (2 kes), manakala N.Sembilan, Melaka dan Sabah masing-masing (1 kes)(Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 13,866 kes dengan 47 kematian berbanding 15,825 kes dengan 39 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walaupun kes menurun sebanyak 12%, tetapi bilangan kematian pada tahun ini meningkat sebanyak 21%.

Dua (2) kematian yang dilaporkan pada minggu lepas adalah dari Perak dan Kedah, disebabkan oleh Demam Denggi Berdarah dan komplikasi *Dengue Shock Syndrome*. Kedua-dua kes kematian terjadi samada di kawasan wabak atau di kawasan yang berisiko untuk jangkitan denggi kerana mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu 2.1%.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 41 kawasan “hot spot” yang masih aktif, berbanding 49 lokaliti “hot spot” pada minggu sebelumnya, melibatkan negeri-negeri seperti Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor dan Pahang(Lampiran C). Daripada jumlah tersebut, 18 kawasan masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D) dan hanya 6 (15%) dari kawasan “hot spot” sahaja yang telah mengadakan aktiviti gotong-royong. Ini menunjukkan masyarakat masih tidak prihatin akan akan masalah denggi di kawasan masing-masing dan tidak mengambil berat soal kebersihan kawasan persekitaran kediaman mereka.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan di dalam mencegah dan mengawal perebakan penyakit demam denggi. Sokongan daripada masyarakat akan dapat memperkukuhkan lagi usaha pihak kementerian di dalam menjayakan misi bagi mencegah perebakan penyakit demam denggi, sekaligus mengelakkan kematian akibat penyakit tersebut. Masyarakat, samada secara individu atau melalui organisasi tertentu, boleh melibatkan diri di dalam menjayakan misi ini dengan memastikan tidak terdapat tempat pembiakan di dalam dan di luar rumah serta mengambil bahagian yang aktif dalam menjalankan aktiviti gotong royong di kawasan perumahan masing-masing.

Peningkatan kematian yang berlaku akibat denggi perlu dijadikan iktibar oleh masyarakat. Sekiranya ada di kalangan masyarakat yang mengalami gejala demam denggi, dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital terdekat. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah penderitaan akibat demam denggi. Perhatian yang serius perlu diberikan oleh pengamal perubatan yang merawat kes yang disyaki denggi dan segera merujuk kes ke hospital sekiranya diperlukan. Rawatan awal boleh mengelakkan komplikasi demam denggi dan menyelamatkan nyawa pesakit.

Bagi tempoh 4 hingga 10 April 2010, sejumlah 17 kes penyakit Chikungunya dilaporkan, berbanding 8 kes pada tempoh yang sama minggu sebelumnya, peningkatan sebanyak 9 kes. 17 kes yang dilaporkan adalah 15 dari Sarawak dan 2 kes di Selangor. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 525 kes berbanding 1,219 kes, penurunan sebanyak 694 kes (57%) untuk tempoh yang sama pada tahun 2009

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

12 April 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 14/2010
(4 hingga 10 April 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 14/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 14/2009
		Minggu 14 (4 – 10 April 2010)	Minggu 13 (28 Mac – 3 April 2010)		
1	Perlis	5	1	37	51
2	Kedah	24 (1)	12	155 (2)	339
3	P. Pinang	14	18	326 (2)	800
4	Perak	49 (1)	40	477 (1)	1,347
5	Selangor	460	425 (1)	6,540 (25)	8,495 (26)
6	WPKL & Putrajaya	106	94	1,530 (2)	1,374 (5)
7	N. Sembilan	24	23	615 (1)	293 (4)
8	Melaka	12	11	128 (2)	203
9	Johor	55	66 (1)	812 (3)	834 (2)
10	Pahang	24	19	370 (1)	313 (1)
11	Terengganu	15	13	285	373
12	Kelantan	21	21	298 (1)	473
13	Sarawak	51	55	1,689 (6)	587
14	Sabah	26	25	597 (1)	326 (1)
15	WP Labuan	0	0	7	17
	Jumlah	886 (2)	823 (2)	13,866 (47)	15,825 (39)

Nota: () Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 14/2010 BERBANDING MINGGU
SEBELUMNYA (13/2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-14 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 14 Tahun 2009
		Minggu 14 (4 – 10 April 2010)	Minggu 13 (28 Mac – 3 April 2010)		
1	Perlis	0	0	0	15
2	Kedah	0	0	0	33
3	P. Pinang	0	0	2	56
4	Perak	0	0	3	254
5	Selangor	2	0	14	271
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	65
7	N. Sembilan	0	0	0	27
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	110
10	Pahang	0	0	1	55
11	Terengganu	0	0	1	34
12	Kelantan	0	0	2	277
13	Sarawak	15	6	486	22
14	Sabah	0	2	8	0
15	WP Labuan	0	0	7	0
	MALAYSIA	17	8	525	1,219

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 10 APRIL 2010 (Mg 14)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	30	93
2	SELANGOR	Gombak	Kg Desa Aman	33	91
3	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	26	87
4	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	38	83
5	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D (Teres - Jalan 7/63)	16	75
6	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	22	72
7	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	14	67
8	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	26	65
9	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon A)	12	63
10	SELANGOR	MPSJ	Taman Bukit Serdang	16	56
11	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	17	55
12	SELANGOR	MPS	Taman Pelangi Rawang	13	50
13	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 2B	7	50
14	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Tago Kepong	15	48
15	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	15	47
16	SELANGOR	Hulu Langat	PKNS Beranang	13	45
17	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	19	44
18	SELANGOR	Gombak	Taman Selayang Utama	5	40
19	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Taman Pelangi Semenyih	24	38
20	SELANGOR	Gombak	Apartment Julia (Bandar Baru Selayang F2B)	6	37
21	SELANGOR	Hulu Langat	Fasa 2 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	10	36
22	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	12	34
23	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon A)	8	32
24	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	16	30

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
25	SELANGOR	MBPJ	Apt Saujana PJU 10	5	30
26	WPKL	Cheras	PPR Taman Mulia	29	95
27	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	18	89
28	WPKL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	12	40
29	WPKL	Setapak	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4-10)	23	88
30	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak Kayangan.	23	79
31	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelumpuk Cempaka Penguin	15	39
32	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri selangor	77	73
33	WPKL	Pusat Bandar	Kg Baru (Jalan Hamzah, Jalan Hj Yahya Syeikh Ahmad)	10	44
34	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri Sarawak	11	33
35	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	14	51
36	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Jalil Damai Apartment)	11	37
37	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong.	47	112
38	JOHOR	MBJB	Taman Kenanga, Tebrau	9	59
39	JOHOR	MBJB	Kawasan Perindustrian Tampoi Tebrau	32	34
40	JOHOR	MPJBT	Bandar Sri Alam Jalan Tasek 6A Pelentong	5	33
41	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 6	7	35

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-14**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MBSA	Seksyen 13 (PangsaPuri Perdana)	32.4	35
2	WP KL	Pusat Bandar	Flat Sri Selangor	21.0	21
3	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D (Teres - Jalan. 7/63)	9.7	10
4	JOHOR	MBJB	Taman Kenanga, Tebrau	8.9	9
5	SELANGOR	MPS	Taman Pelangi Rawang	7.2	14
6	SELANGOR	MPAJ	Pandan Mewah (Zon A)	6.4	100
7	JOHOR	MBJB	Kawasan Perindustrian Tampoi Tebrau	6.1	7
8	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon A)	5.8	6
9	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	3.8	4
10	SELANGOR	Gombak	Kg. Desa Aman	3.3	3
11	WP KL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	3.0	3
12	SELANGOR	Hulu Langat	PKNS Beranang	2.2	2
13	WP KL	Cheras	Taman Maluri Jalan Jejaka	2.0	2
14	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	1.9	2
15	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	1.4	1
16	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	1.3	1
17	JOHOR	MPJBT	Bandar Sri Alam Jalan Tasek 6A Pelentong	1.2	1
18	SELANGOR	MPSJ	Taman Bukit Serdang	1.0	1